

# Terowong bersejarah

**TUAH** - mesin pengorek terowong pertama bagi projek kawalan banjir Smart-berjaya melepasi fasa pertama menamatkan kerja-kerja penerowongan sepanjang 734 meter di North Junction Box di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur, semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Keizrul Abdullah, berkata usaha itu satu pencapaian penting kerana North Junction Box adalah tempat terowong air banjir bertemu dengan terowong kenderaan di dalam terowong sepanjang 9.7 kilometer itu.

